



JABATAN PERDANA MENTERI  
BAHAGIAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG

# STATUS SEMASA PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN

(NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN-NHRAP)

KEMASKINI 11 NOVEMBER 2022



## LATAR BELAKANG

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan-NHRAP) merupakan inisiatif Kerajaan yang selari dengan persetujuan Malaysia semasa Penilaian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review- UPR) pada tahun 2009 di Geneva, Switzerland bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

Malaysia telah merujuk Perlembagaan Persekutuan, Universal Declaration of Human Rights (UDHR) dan Cairo Declaration on Human Rights in Islam (CDHRI) sebagai kerangka utama di samping instrumen-instrumen lain dalam pembangunan NHRAP. Selain itu, aspek politik dan sosiobudaya Malaysia juga menjadi rujukan penting agar NHRAP yang dibangunkan sesuai dengan konteks dan acuan Malaysia.

NHRAP merupakan dokumen awam yang dinamik, fleksibel dan boleh ditambah baik mengikut kesesuaian serta keperluan agensi pelaksana dari semasa ke semasa. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi peneraju pembangunan NHRAP sepanjang tempoh 2012 sehingga 2017. Kajian Pembangunan NHRAP telah bermula pada November 2015 untuk tempoh selama 18 bulan.

Pada peringkat awal kajian pembangunan NHRAP, banyak isu hak asasi manusia yang telah dikenal pasti berdasarkan pelbagai jenis metodologi termasuklah maklum balas dari pelbagai siri sesi libat urus dengan stakeholders termasuklah SUHAKAM, CSO dan NGO. Sungguhpun demikian, hanya isu-isu yang mempunyai jurang telah dipersetujui untuk menjadi keutamaan dalam NHRAP Malaysia.

Kaedah pemilihan isu-isu keutamaan dalam NHRAP adalah berdasarkan garis panduan yang dinyatakan dalam United Nation Handbook on National Human Rights Action Plan (UN Handbook on NHRAP) yang dihasilkan oleh Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR). UN Handbook on NHRAP, yang merupakan rujukan utama dalam membangunkan NHRAP Malaysia, antara lain, menyatakan bahawa isu-isu berkaitan dengan hak dan kebebasan diri seperti hak untuk hidup tanpa ada penganiayaan dan penderaan serta keselamatan individu perlu diberikan keutamaan.

NHRAP telah dilancarkan secara rasmi pada 1 Mac 2018 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Pelan ini melibatkan lima (5) teras yang utama iaitu Teras 1: Hak Sivil dan Politik, Teras 2: Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, Teras 3: Hak Golongan Rentan (Wanita, Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Pelarian), Teras 4: Hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Natives of Sarawak dan Teras 5: Kewajipan Antarabangsa.

Jangka masa pelaksanaan NHRAP dibahagikan kepada 3 kategori iaitu jangka masa pendek (kurang daripada 2 tahun), jangka masa sederhana (3 hingga 5 tahun) dan jangka masa panjang (5 hingga 10 tahun).

# KOMITMEN BERTERUSAN KERAJAAN

Bagi memastikan kesinambungan tindakan kerajaan, Mesyuarat susulan penyelarasan NHRAP bersama Ketua-ketua Teras telah diadakan pada 25 Mac 2022. Semua Ketua Teras telah bersetuju untuk menyemak dan meneliti semula isi kandungan NHRAP dan senarai agensi yang masih relevan di bawah teras masing-masing.

Satu Bengkel Semakan Semula NHRAP telah diadakan pada 18 dan 19 Julai 2022 bertempat di Palm Garden Hotel, Putrajaya. Bengkel tersebut diadakan untuk membincangkan isu-isu terkini perlaksanaan NHRAP bersama agensi-agensi kerajaan dan menambah baik tindakan-tindakan yang digariskan di bawah NHRAP selaras dengan hala tuju dan dasar semasa kerajaan.

Susulan daripada bengkel tersebut, BHEUU juga telah mengemaskini Matriks NHRAP agar selaras dengan maklum balas yang diterima semasa Bengkel tersebut. Kandungan terkini didalam Matriks Pelaksanaan NHRAP telah diedarkan dan kini sedang dalam penelitian lanjut semua agensi berkaitan.

